




Advencer Si Peniup Ney

Faisal Tehrani

[Download now](#)

[Read Online](#) ➔

Advencer Si Peniup Ney

Faisal Tehrani

Advencer Si Peniup Ney Faisal Tehrani

Hedonis.

Begitu definisi kaum di negeri jauh itu.

Landas hidup hanya untuk berseronok-seronok, bermewah-mewah, lazat, lazat, lazat.

Berpantang arah tujuan, terlarang segala fikiran.

Ya, aliran hedonisme menjunjung kelazatan dan puja-pujaan;

emm... cita rasa, cita rasa!

40 remaja berwajah amat berseri-seri mengundang *Sulaiman Hilmi* yang bermata biru hijau berbalam, yang berwajah cahaya.

Bersama mereka menunggang awan, memacu ombak menuju ke negeri jauh, membawa salam kesejahteraan.

Demi menyahut panggilan Cinta. Menyerah buat dibakar api Cinta.

Merawat duka rawan rindu kepada Cinta:

Bahawa yang paling seronok, paling mewah, paling lazat ialah kelazatan menunaikan janji abadi:

Bahawa Dia itu Satu. Tempat bergantungnya segala sesuatu.

Tumpuan hidup dan mati dan hidup lagi sesudah mati.

Dia Sumber Cinta, Pencipta Segala Rasa.

.."Karya ini berjaya menarik perhatian panel apabila secara sinis menempelak gaya hendonisme anak muda yang tercemar akhlaknya lantaran asyik dengan hiburan yang bertentangan dengan Islam.

Karya ini merunut kehebatan kesenian Islam yang telah melahirkan tokoh-tokoh sufi dan falsafah selain menyerlahkan nama-nama seperti *Ibnu Misjah*, *Ibnu Suraj*, *Ata Abi Rabah*, *Yunus Kateb*, *Ibnu Farabi*, *Ibnu Sina* dan *Yunus Emre*.

Faisal juga berjaya mengolah naratif keseluruhan karyanya dengan memberi penegasan bahawa kesenian dan Islam bukanlah sesuatu yang terpisah daripada konsep keimanan."...

-Mingguan Malaysia, 29 Mei 2005-

Novel ini telah memenangi tempat PERTAMA

Pertandingan Novel Remaja

Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2004

Pertama **Advencer Si Peniup Ney** *Faisal Tehrani*

Kedua **Detektif Indigo** *Faisal Tehrani*

Ketiga **Priit!** *Alias Ismail*

Advencer Si Peniup Ney Details

Date : Published June 15th 2005 by Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

ISBN : 9789676117625

Author : Faisal Tehrani

Format : Paperback 243 pages

Genre : Novels, Fiction

 [Download Advencer Si Peniup Ney ...pdf](#)

 [Read Online Advencer Si Peniup Ney ...pdf](#)

Download and Read Free Online Advencer Si Peniup Ney Faisal Tehrani

From Reader Review Advencer Si Peniup Ney for online ebook

Amalina Rahim says

karya yang sungguh luar biasa. tiap-tiap jalan cerita dilengkapi dengan potongan ayat Al-Quran yg secara tidak langsung mendukung fakta, menguatkan lagi keyakinan para pembaca.

Naim AlKalantani says

Mungkin tidak keterlaluan aku mengatakan tulisan FT ini sebuah satira untuk bersikap sinis kepada masyarakat yang meminati musik secara mengkhinzir buta.

Al-Farabi, Al-Kindi sebelum aku membaca novel ini, aku tahu mereka adalah salah seorang penemu musik terapi untuk kesihatan.

Seperti biasa, karya FT tidak mengecewakan. Bila dibaca novel ini, rasa tenang. Sebab ada pengaruh sufisme dalam tulisannya kali ini. Walaupun tidak mendengar musiknya, tapi aku dapat feel.

©lukisan athirah espada says

Seperti realiti kehidupan jin-jin berkenaan. Bila difikirkan semula seolah-olah kehidupan remaja kini seakan-akan seperti yang terjadi kepada kelompok jin yang ditulis dalam novel ini. Seperti yang penulis katakan:

"Sayang anak muda sekarang mengejar muzik yang kosong. mereka itu menyangka muzik semata-mata hiburan dan keseronokan. Mereka tidak nampak bahawa muzik itu rapat dengan jiwa, dan jiwa yang tenang membawa kepada Tuhan"

dan,

Menurut ayat 28 surah Ar-Ra'd, 'Ketahuilah, dengan berzikir kepada Allahlah hati akan menjadi tenang'.

Lina Kama says

Betul kata kawan, sedikit kurang umph kerana saya lambat membaca buku ini melewati demam akademi fantasia terutamanya semasa zaman kegemilangan mawi. Saya pernah terfikir, FT mempunyai kekurangan bakat dalam memasukkan unsur humor bagi penulisannya. Tetapi buku ini telah membetulkan pandangan saya terhadap FT. Sindiran sinis dan humor benar2 menjadi dalam buku ini. akan mengulas lebih lanjut dalam blog. kalau rajin.

cikyah75 says

Faisal Tehrani has never failed to amaze me with his works. this book is all about a cynical review of the local talent show, AF. It's a thought-provoking piece which I feel has put being academically qualified as a secondary option in life. Got talent? Yes, your future is secured. Didn't get my point? Get a copy and let me know what you think.

Anis Rejab says

novel yang membawa masalah remaja 'jin' yang hanyut dalam hiburan serta budaya-budaya hedonisme. watak sulaiman yang datang dengan dakwah yang unik dapat mengembalikan jin-jin di negeri fantasia dan samudera suran ke jalan yang betul. FT juga menekan masalah akhlaq dan adab yang hilang dari anak muda hari ini.

faisal tehrani membawa cerita advencer ini dengan santai tapi penuh dengan ilmiah. kita boleh lihat bagaimana FT mengupas sejarah muzik islam dengan bersahaja, dan membawa pemahaman islam tentang muzik dari segi fekah dan tasawufnya.

sebuah karya yang perlu dibaca oleh anak-anak muda bagi membuka mata kita dari terlalu leka dalam perjalanan hidup.

-AM-

Hanyff Fuad says

Membaca kisah pengembaraan di dunia jin ini, bagai 'dekat di hati'. :) Sesuai untuk semua; si anak, ibu bapa, kakak atau sanak-saudara yang mahu mengerti akan dakyah hedonisme dan menjadikan kita bukan sebahagian daripada mereka.

Dalam kekalutan yang melanda dunia, perhatikanlah anak mudanya. Dengan bangsa yang anak muda yang semakin hebat mengejar cita-cita tak kira apa juang bidang, mereka menerpa mencari ruang dan luang dalam bidang yang menyediakan sejuta lubang dan emas yang menyilau nampaknya.

Hedonisme; topik intipati ditulis dengan cara sungguh ironi lagi sinikal tepat menggambarkan budaya semasa yang dikritik halus. Penyelesaiannya juga dicadangkan dengan cara yang halus dalam naratifnya kisah pengembaraan ini.

Asasnya penulis tetap pulang kepada Allah sebagai 'jalan pulang' dan cara Islam sebagai jalan penyelesaian yang menyediakan alternatif serta meredakan kegilaan anak muda terhadap hiburan terlampau (hedonisme).

Syabas Faisal Tehrani!

aidanharima says

ini adalah karya Faisal Tehrani yang pertama aku baca. beliau menyuntikkan elemen elemen dakwah secara tidak langsung. pengembaraan ustaz sulaiman ke negeri Fantasia membuatkan aku mengingat semula betapa fanatiknya rakyat malaysia terhadap program realiti yang wujud. buku ini membuatkan aku ingin membaca karya Faisal Tehrani yang lain.

Yazlina Saduri says

Bacaan yang santai berulam sinis dan kelucuan bagi saya. Genre apa ya buku ni? Fantasi atau fiksyen sains atau mungkin juga falsafah ringan? Yang pasti heavy satire. Kisah pengembaraan Ustaz Sulaiman ke dunia jin di atas angin (di sebalik kepulan awan) dan dunia jin lautan dalam. Menarik. Mengenai ketaksuban muda mudi (dan yang bukan muda juga) di alam bernama Fantasia terhadap performances yang tak ada nilai kerohanian, saya setuju benar. Kelakar juga bila ada nama-nama penghibur popular (bertaraf sifu kot) Malaysia turut disebut si raja Jin Bertindik Satu. Dua daripadanya saya pun minat, yang seorang lagi tu saya tak berapa berkenan haha. Nice read.

Fariza says

Advencer si peniup Ney merupakan karya sinis penuh kritis yang sangat penuh dengan kebijakan penulis. Karya ini menonjolkan perlunya nilai moral di kalangan remaja dipertingkatkan.. wah buku ini memang unik dan tidak pernah membaca karya seadanya.. Siapa menyangka ada cerita manusia memasuki alam jin dengan penceritaan yang boleh diterima akal.. menarik dan memang menarik..

Haryati Abd. Halim says

Ini kisah dunia hiburan. Dunia hiburan yang penuh dengan lagha dan tipu daya. Kisah pengembaraan atau advencer Sulaiman Hilmi di negeri Fantasia. Negeri di atas awan yang diperintah jin bertiindik satu.

Muhammad Adib says

Suatu karya yang penuh sinis dan sindiran kepada isu-isu semasa yang jauh terpesong dari jalan lurus. Karya yang sangat tajam dan mampu menyentak mereka yang ditujukan segala sindiran tersebut. Faisal berjaya menggarap karya ini dengan penuh kehalusan dan penggunaan banyak petikan terjemahan ayat suci Al-Quran di dalam novel ini mampu menjadi satu medium dakwah yang sangat baik.

Nur Aimuni says

Hahahaha Faisal Tehrani perli rancangan realiti TV yang lagha, meleakakan serta tidak membawa apa-apa faedah.

Nisa says

Akhirnya dapat juga Novel FT yang Nisa idam-idamkan...

Kisah pengembaraan Ustaz Sulaiman Hilmi ke dunia Jin. Penceritaan bermula, apabila 40 ekor jin datang bertemu Ustaz Kamil meminta izin, membenarkan anaknya, Ustaz Sulaiman menyertai pengembaraan yang panjang ke dunia jin, Negeri Fantasia yang telah hanyut dengan fahaman hendonisme. Negeri Fantasia diperintah oleh Jin Bertindik Satu yang mahu semua rakyatnya hidup dengan pelbagai hiburan yang melampau dan terus alpa dengan keseronokkan duniawi. Saban minggu, sebuah konsert nyanyian yang mencari bakat baru disuakan kepada muda mudi jin merah.

40 ekor jin Islam meminta Ustaz Sulaiman membantu mereka mengembalikan akidah remaja jin merah supaya mereka kembali mengenal Penciptanya. Bagi memastikan misi tersebut berjaya, Ustaz Sulaiman dan 40 ekor jin menemui Jin Bertindik Satu bagi memperkenalkan satu cabang muzik baru bernama souti sarmad kepada para remaja jin merah. Jin Bertindik Satu menerima dalam ragu, lantas meminta Ustaz Sulaiman mempersembahkan muzik tersebut ketika konsert nyanyian mingguan. Jika mereka gagal membuat para remaja mabuk dengan muzik mereka, mereka akan dihumban ke daerah bersalji dan dibiarkan terbelenggu di situ sehingga kiamat.

Tiba malam persembahan, ternyata Ustaz sulaiman dan 40 ekor jin berjaya mempersembahkan persembahan luar biasa sehingga siapa sahaja yang melihatnya terpukau, sambil Ustaz Sulaiman meniup ney (sejenis alat muzik seperti seruling) 40 ekor jin duduk mengelilingi Ustaz Sulaiman sambil memuji-muji kebesaran Tuhan yang Esa.

Jin Bertindik satu meminta Ustaz Sulaiman menjadi guru vokal puterinya yang cantik jelita, Puteri Simone Sidharra. Namun Puteri Simone Sidharra mempunyai agenda tersendiri kerana telah terpicik dengan wajah tampan Ustaz Sulaiman. Ustaz Sulaiman di penjara kerana sebuah fitnah tanpa diketahui oleh 40 ekor jin dan Ustaz Sulaiman redha menerima ujian...

Pengembaraan Ustaz Sulaiman dan 40 ekor jin bukan hanya setakat mengembara ke Negeri Fantasia sahaja, mereka turut mengislamkan jin2 di Negeri Samudera Suran ketika dalam perjalanan pulang.

Kisah Advencer Si Peniup Ney ini persis kisah nabi Sulaiman yang bersahabat dengan Jin dan Nabi Yusoff. Apabila tiba babak Negeri Fantasia dilanda musibah... dirempuh pesawat Boeing, membuatkan Nisa tersenyum sorang2 (memang kelakar)hehehe..

Limau Nipis says

Tulisannya lebih santai berbanding 1511H [Kombat], novel yang telah juga memenangi tempat pertama Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2003. Sinis dan menusuk hati sekiranya anda adalah peminat fanatik

Akademi Fantasia atau Malaysian Idol atau yang seangkatan dengannya.

Saya paling suka deskripsi konsert Fantasia dalam bab 8. Faisal pandai menggunakan penulisan menempelak segala macam aspek yang selalu ditonton dalam konsert mingguan Akademi Fantasia atau konsert Malaysian Idol. Sungguh berhias katanya menjunam tepat apabila diciptakan 3 hakim (kebetulan?) dan komen-komen yang memang melucukan daripada 3 hakim itu.

Contohnya:

"Awak ni pesona bintang, pesona awan, best."

"Pitching tak kena di sana sini. Patutnya masa zindagi o itu awak lebih tarik suara dan tahan di perut, ini tidak."

Pernah dengar ayat-ayat di atas? Sinis kan? Tampan hebat buat mereka yang fanatik budaya hedonisme.

Lalu Faisal memperkenalkan Ustaz Sulaiman Hilmi Kamal untuk memperkenalkan konsep keagamaan di dalam budaya muzik. Sungguh tergumam jadinya apabila saya dapat tahu nota muzik Barat do-re-mi adalah daripada tulisan pemikir Islam. Rupanya orang Barat menciaplak bulat-bulat seni muzik Islam!

Lalu di dalam buku ini, saya mengenali tokoh-tokoh Islam yang memperkenalkan konsep muzik dalam Islam. Tak tersangkakan Ibnu Sina dan al-Farabi adalah pakar muzik Islam. Sungguh sampai terbeliak biji mata!

Souti sarmad pula diperkenalkan oleh Ustaz Sulaiman. Jin bertindik satu menempelak: Siti Nurhaliza atau M Nasir pun tidak memperkenalkan genre ini, adakah ianya world music?

Saya pernah terbaca di dalam satu majalah bahawa tarian berpusing yang dilakukan oleh orang Turki untuk menunjukkan kecintaan terhadap Allah disertai zikir dan tasbih. Tak tersangkakan Faisal boleh menerapkannya dalam persembahan Ustaz Sulaiman dan rakan-rakannya itu.

Panjang lagi ceritanya.. sungguh! Kalau mahu ditelusuri, cerita Yusuf a.s. dan Zulaikha pun diselitkan. Malahan cerita berdakwah kepada penduduk di dalam laut pun ada!

Saya? Saya berharap buku ini dibaca agar mereka yang mengagungkan budaya hedonisme sedar akan tanggungjawab mereka bahawa kelazatan muzik itu adalah kerana Allah Yang Satu. Pendekatan yang sangat menarik untuk belia kita.
